

Cari benih

pesaka:

BERITA MINGGU

9.10.94

Empat perut tidak bulat

SEREMBAN: Kerapatan Ibu-ibu Soko dan Anak-anak Waris Negeri di Ayer Sungei Ujong untuk mencari benih pesaka Datuk Shahbandar Luak Sungei Ujong semalam, tidak mencapai sebarang keputusan berikutan tidak ada kebulatan empat perut yang ada.

Tiga perut, Nenek Susu Ganda, Nenek Susu Dara dan Nenek Susu Tunggal mahu pesaka itu digilirkan kepada perut lain, sementara Nenek Susu Sulong mempertahankan agar benih daripada perut itu terus memegang pesaka berkenaan.

Sehubungan itu, Datuk Panglima Besar, Datuk Shamsuddin Talib menanggukannya hingga ke suatu hari yang akan diberitahu kelak.

"Sungguhpun tiga perut bersetuju, namun selagi satu perut tidak bersetuju, perkara ini tidak boleh diputuskan.

"Ini kerana dalam adat jika berlaku kebulatan barulah keputusan diterima pakai," katanya yang mempengerusikan kerapatan itu di rumah Ibu Soko, Puteh Jamlus, di Kampung Jawa, Labu, dekat sini.

Kira-kira 200 Ibu-Ibu Soko dan Anak-anak Waris hadir dalam kerapatan itu, termasuk Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang, Datuk Mohd Ghazali

Mohd Ibrahim.

Kerapatan itu adalah pertama kali diadakan bagi mencari benih pesaka Datuk Shahbandar, selepas Kapt (B) Datuk Shaari Hassan dipecat daripada jawatan Datuk Shahbandar Sungei Ujong.

Ibu-Ibu Soko dan Anak-Anak Waris Negeri memutuskan memecat Shaari daripada terus menyanggah jawatan itu dalam kerapatan di tempat yang sama, pada 13 Ogos lalu.

Pemecatan itu dibuat kerana Shaari didapati berkelakuan tidak berseesuaian dengan jawatannya.

Shaari adalah dari perut Nenek Susu Sulong dan Ibu Soko dan Anak Waris perut itu mahukan benih daripada perut yang sama dipilih untuk mengambil alih tempat itu.

Shamsuddin berkata, penangguhan itu juga adalah untuk membolehkan pihaknya memanggil lebih ramai Waris di Air bagi membincangkan dan memutuskan perkara itu.

Selain itu, katanya kerapatan juga memutuskan meminta kerajaan negeri menghebahkan kepada rakyat mengenai pemecatan yang dibuat ke atas Shaari.

Ini, katanya, untuk membolehkan semua anak waris maklum mengenai tindakan itu.